

CNS0654

U GB 09-09 00169 BA705

bah

KAJI DAN ELAK PUNCA PRASANGKA KAUM. KATA MAHATHIR
Mahathir - Muhibah

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat mengkaji punca kepada prasangka kaum yang masih wujud dan mencari jalan mengatasinya.

+Adakah kita memandang serong terhadap seseorang kerana kaumnya? Jika ya, apakah yang harus kita bunt untuk mengelakkan daripada 'racial bias'. ini terutama kepada anak-anak; kita yang terpisah kerana persekolahan yang berlainan,+ kata Perdana Menteri.

Beliau berucap pada Upacara Penyampaian Hadiah dan Pameran Fotografi Muhibah anjuran akhbar Nanyang Siang Pau di Dewan Tun Hussein Onn. Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat harus membuat penilaian itu supaya mereka dapat mewujudkan semangat perpaduan dalam masyarakat.

Tambahnya, usaha perlu dipertingkatkan untuk menghapuskan perasaan svak wasangka dan prasangka an-tarn satu sama lain bagi mencapai matlamat mewujudkan bangsa Malaysia yang bukan sahaja taat dan setia kepada negara tetapi juga mempunvaimasadepan yang sama.-- Lagi .

♥09/09/12-20MST

CNS0658

R GB 09-09 00143 BA706

Bah

Mahathir - muhibah 2 Kuala Lumpur

+Tiap-tiap kaum mempunvai nilai-nilai dan ciri-ciri kebudayaannya yang tersendiri dan langkah yang harus dijalankan sekarang ialah memahami cara hidup kaum-kaum ini,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata pemahaman yang lebih baik itu boleh dilakukan melalui aktiviti seperti pertandingan fotografi itu yang dapat 'merapatkan hubungan antara kaum dan antara bangsa.

Katanya, perpaduan rakyat yang timbul daripada semangat muhibah adalah prasyarat penting dalam memajukan lagi negara.

+Bagi menjamin masa depan yang lebih cerah adalah penting bagi rakyat terutama generasi sekarang sentiasa mengekalkan perasaan muhibah di kalangan mereka,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan hidup masyarakat di negara ini telah banyak berubah daripada keadaan dun dekad yang lepas hasil kerjasama rakyat yang tidak mengira kaum dengan menunjukkan ciri-ciri muhibah. persefahaman dan bertolak-ansur. -- Lagi.

♥09/09/12-29MST

R cc 03-03 00147 BA707

bah

Mahathir - muhibah 3 Kuala Lumpur

Ketika diminta menghuraikan mengenai prasangka kaum yang disebutkannya itu; oleh pemberito kemudian, beliau berkata pelbagai usaha lagi perlu dijalankan untuk meningkatkan perpaduan walaupun banyak kemajuan dicanai se ink 20 tahun yang lepas.

+Proses integrasi, proses perpaduan mengambil masa dan, kita harus bersabar. Akan ada dalam mana-mana masyarakat puak ekstremis yang tidak boleh terima apa juga yang kita bunt untuk semua kaum,+ katanva.

Perdana Menteri berkata pada umumnya, dunia sudah mengiktiraf bahawa walaupun Malaysia mempunyai pelbagai kaum, ia berjaya mewujudkan keharmonian kaum yang lebih ketara daripada pencapaian negara lain termasuk negara maju.

+Pada pendapat saya acara hari ini tak mungkin diadakan 20 tahun dulu,+ katanva.

liatanva. rusuhan kaum kerap berlaku di negara-negara maju walaupun mempunyai jumlah kaum minoriti yang kecil kerana adanya perasaan iri hati terhadap kaum pendatang. -- lagi

♥09/09/12-51MST

CNS0694

R CC 09-09 00086 CA708

bah

Mahathir - muhibah 4 Kuala Lumpur

Katanva, Malaysia dapat membendung sikap perkauman sehingga berupaya membangunkan negara dan mengasihinkan kekayaan dalam keadaan negara yang stabil.

+Ini hakikat yang ramai orang asing terpaksa terima,+ katanva.

Foo Kok Kin dari Ipoh mendapat hadiah utama berupa pingat emas dan wang \$20,000 diikuti 10 peserta lain yang memenangi hadiah cemerlang berupa pingat perak dan wang \$1,000.

Lebih 600 peminat diterima untuk pertandingan itu yang bermula April lepas. -- Bernama

♥09/09/13-03MST